

# pENYATA KEWANGAN

Laporan Pengarah	54
Penyata oleh Para Pengarah	60
Akuan Berkanun	60
Laporan Juruaudit	61
Akaun Untung Rugi	62
Lembaran Imbangan	63
Penyata Aliran Tunai yang Disatukan	64
Nota-nota kepada Akaun	65

# Laporan Pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama akaun Syarikat dan Kumpulan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 30 September 1999.

## AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan.

Syarikat-syarikat subsidiari terlibat terutamanya dalam bidang pengilangan dan penjualan bekas kaca, minuman ringan dan keluaran tenusu.

Sepanjang tahun kewangan ini, tiada perubahan ketara ke atas aktiviti-aktiviti tersebut.

## KEPUTUSAN BAGI TAHUN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
(Kerugian)/keuntungan selepas cukai	(69,194)	7,894
Kepentingan minoriti	8,388	-
(Kerugian)/keuntungan boleh dibahagikan	(60,806)	7,894
Dividen	(3,755)	(3,755)
(Kerugian)/keuntungan tersimpan bagi tahun	(64,561)	4,139

Keputusan Kumpulan bagi tahun kewangan ini telah terjejas akibat penyusutan permintaan di pasaran minuman ringan dan tanggungan kos yang lebih tinggi akibat penyusunan semula korporat dan kesan penuh kadar pertukaran matawang asing yang tetap. Keadaan ekonomi sepanjang tempoh krisis matawang, tekanan kos dan pemberian diskaun secara berlebihan pada tempoh awal tahun menyebabkan volum dan margin susut dengan ketara.

Pada pendapat para Pengarah, selain daripada di atas, keputusan operasi Syarikat dan Kumpulan di sepanjang tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan luar biasa.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan pada tahun ini.

## DIVIDEN

Para Pengarah mencadangkan pembayaran dividen pertama dan akhir sebanyak 3% tolak cukai, berjumlah RM3,754,603 dibayar bagi tahun berakhir 30 September 1999.

## Laporan Pengarah (Samb.)

**PARA PENGARAH**

Para Pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak tarikh laporan tahunan yang lepas terdiri daripada:-

Dato' Dr. Yahya bin Ismail  
 Y.A.M. Tengku Syarif Bendahara Syed Badarudin  
 Jamalullail Ibni Tuanku Syed Putra Jamalullail  
 Tan Sri Dato' Dr. Lin See-Yan  
 En. Tan Yam Pin  
 En. Ian Alastair MacLean  
 En. Mah Peng Kong  
 Dr. Radzuan bin A. Rahman  
 Pn. Kartini binti Hj Abdul Manaf  
 En. Lai Seck Khui

Pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, para Pengarah berikut bersara dan, oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dipilih semula:-

- Dato' Dr. Yahya bin Ismail berhubung dengan Seksyen 129 Akta Syarikat 1965.
- Y.A.M. Tengku Syarif Bendahara Syed Badarudin Jamalullail Ibni Tuanku Syed Putra Jamalullail, Dr. Radzuan bin A Rahman dan Encik Lai Seck Khui berhubung dengan Tataurus 97 dalam Tataurus Pertubuhan Syarikat.

Tidak terdapat sebarang urusan pada akhir tahun kewangan ini atau pada sebarang masa sepanjang tahun yang melibatkan Syarikat sebagai satu pihak yang membolehkan para Pengarah memperolehi faedah melalui pemilikan saham atau debentur dalam Syarikat atau sebarang badan korporat lain kecuali kelayakan mereka untuk melanggan saham baru sebagai pemegang waran dan bagi opsyen yang diberi oleh Syarikat dan di bawah Skim Opsyen Saham Eksekutif syarikat induk.

Para Pengarah berikut yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan menurut daftar yang perlu disimpan di bawah Seksyen 134 Akta Syarikat 1965, mempunyai kepentingan dalam saham, dan/atau debentur Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitannya, seperti yang dinyatakan di bawah:-

Pengarah	Nama syarikat kepentingan dimiliki	Saham/Opsyen dalam Syarikat /syarikat-syarikat berkaitan			
		Pada 1/10/98	Dibeli/ Diperuntuk	Dijual/Luput/ Dilaksana	Pada 30/9/99
Dr. Yahya Ismail	Fraser & Neave Holdings Bhd				
	- saham biasa	1,616,000	-	502,000	<b>1,114,000</b>
	- Waran 2001	3,037,000	-	3,037,000	-
	Fraser and Neave Limited				
	- saham biasa	2,880	-	-	<b>2,880</b>

## Laporan Pengarah (Samb.)

Pengarah	Nama syarikat kepentingan dimiliki	Saham/Opsyen dalam Syarikat /syarikat-syarikat berkaitan			
		Pada 1/10/98	Dibeli/ Diperuntuk	Dijual/Luput/ Dilaksana	Pada 30/9/99
IA MacLean	Fraser and Neave Limited				
	– saham biasa	204,081	–	50,000	<b>154,081</b>
	– opsyen saham	522,600	97,500	96,000	<b>524,100</b>
	Asia Pacific Breweries Ltd				
	– saham biasa	624	–	–	<b>624</b>
	Centrepoint Properties Ltd				
– saham biasa	8,335	612	–	<b>8,947</b>	
– Waran 2000	2,000	–	–	<b>2,000</b>	
Tan Yam Pin	Fraser and Neave Limited				
	– saham biasa	60,691	–	–	<b>60,691</b>
	– opsyen saham	653,250	121,900	120,000	<b>655,150</b>
Tengku Syarif Bendahara Syed Badarudin	Fraser & Neave Holdings Bhd				
	– saham biasa	1,908,000	–	–	<b>1,908,000</b>
	– Waran 2001	3,285,200	–	–	<b>3,285,200</b>
Mah Peng Kong	Fraser & Neave Holdings Bhd				
	– saham biasa	65,000	22,500	–	<b>87,500</b>
	Fraser and Neave Limited				
– opsyen saham	132,000	–	48,000	<b>84,000</b>	
Lai Seck Khui	Fraser and Neave Limited				
	– opsyen saham	36,480	43,000	–	<b>79,480</b>

Menurut undang-undang kecil Skim Opsyen Saham Eksekutif (“Skim”) Fraser & Neave Holdings Bhd, Fraser and Neave Limited memberi kepada para eksekutif opsyen untuk memiliki saham dalam Fraser & Neave Holdings Bhd. Pada 24 Disember 1998, para pengarah eksekutif berikut telah diberi dan menerima opsyen di bawah Skim tersebut:-

Mah Peng Kong                    22,500 opsyen

Opsyen ini boleh dilaksanakan sepanjang tempoh dari 24 September 2001 hingga 23 November 2003 pada harga RM4.91 sesaham.

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada Pegarah telah menerima atau layak untuk menerima sebarang faedah (selain daripada faedah yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau akan diterima oleh para Pengarah seperti yang dinyatakan dalam akaun Kumpulan atau gaji tetap sebagai kakitangan sepenuh masa Syarikat) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau sebuah syarikat yang ada kaitan dengan sebarang Pengarah atau sebuah firma yang Pengarah berkenaan merupakan ahli atau syarikat yang Pengarah berkenaan mempunyai kepentingan kewangan besar yang perlu dinyatakan menurut Seksyen 169(8) Akta Syarikat 1965.

## Laporan Pengarah (Samb.)

### **OPSYEN DIBERI KE ATAS SAHAM DAN DEBENTUR YANG BELUM DITERBITKAN**

#### **Waran 2001**

Berhubung dengan sebuah prospektus bertarikh 29 Mac 1996, opsiyen telah diberi melalui Waran 2001 boleh pindah dengan penerbitan Bon 1996 pada 21 Mei 1996.

Maklumat berkanun mengenai Waran tersebut dinyatakan di bawah:

- (i) Setiap waran melayakkan pemegangnya melanggan satu saham biasa baru Syarikat berharga RM1.00 sesaham pada harga RM8.50 sesaham biasa.
- (ii) Waran 2001 boleh dilaksanakan pada sebarang masa pada waktu urusan perniagaan biasa sehingga pukul 5 petang pada 20 Februari 2001.
- (iii) Peruntukan penuh berhubung status Waran 2001 boleh pindah kepada saham biasa, yang kemudiannya bertaraf pari passu dengan saham biasa Syarikat yang sedia ada, pelarasan Harga Pelaksanaan pada keadaan-keadaan tertentu, sebutharga di Bursa Saham Kuala Lumpur dan terma serta syarat-syarat lain berhubung dengan Waran 2001 dibentangkan secara terperinci dalam Perjanjian Amanah yang dilaksanakan pada 26 Mac 1996, yang tersedia untuk diperiksa di pejabat berdaftar Syarikat.
- (iv) Pada tahun kewangan ini, tiada Waran 2001 telah ditukar kepada saham biasa.
- (v) Bilangan Waran 2001 yang tertunggak pada akhir tahun kewangan ini adalah sebanyak 73,410,748.

### **PERISTIWA PENTING PADA TAHUN INI**

Pada 12 Mac 1999, Syarikat telah mengumumkan satu cadangan pembiayaan yang meliputi berikut:-

- (a) Cadangan terbitan saham hak biasa baru berharga RM1.00 sesaham bersama dengan waran 2000/2001 (waran hak) berasaskan kepada dua (2) saham biasa baru campur satu (1) waran hak bagi setiap lima (5) saham biasa sedia ada yang dimiliki; dan
- (b) Cadangan terbitan waran 2000/2001 (waran baru) berasaskan kepada satu (1) waran baru sebagai ganti dan apabila dikembali dan dibatalkan satu (1) waran 1996/2001 sedia ada yang dimiliki pada harga terbitan RM0.20 setiap waran.

Sehingga kini, cadangan pembiayaan tersebut sedang mendapat kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa berkaitan dan para pemegang saham di satu Mesyuarat Agung Luarbiasa yang akan diadakan.

## Laporan Pengarah (Samb.)

### MAKLUMAT BERKANUN LAIN

- (a) Sebelum akaun untung rugi dan lembaran imbangan Syarikat dan Kumpulan disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah berpatutan:-
- (i) untuk memastikan bahawa tindakan wajar telah dilaksanakan berhubung dengan pelupusan hutang lapuk dan peruntukan hutang ragu dan telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dilupuskan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu; dan
  - (ii) untuk memastikan bahawa sebarang harta semasa yang tidak berkemungkinan menunjukkan nilai sebenarnya dalam urusanniaga biasa seperti yang dinyatakan di dalam rekod perakaunan telah diturunkan nilai kepada satu jumlah yang dijangka dapat direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari adanya sebarang keadaan:-
- (i) yang mungkin menyebabkan jumlah pelupusan hutang lapuk atau jumlah peruntukan hutang ragu dalam akaun Syarikat dan Kumpulan tidak mencukupi dengan ketara; dan
  - (ii) nilai bagi harta-harta semasa dalam akaun Syarikat dan Kumpulan mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan telah timbul yang menyebabkan kaedah penilaian harta atau tanggungan Syarikat dan Kumpulan mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang kejadian yang tidak diliputi dalam laporan atau akaun Syarikat dan Kumpulan yang mungkin menyebabkan jumlah yang dinyatakan dalam akaun dan akaun-akaun yang disatukan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:-
- (i) sebarang caj ke atas harta Syarikat atau Kumpulan yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang disandarkan kepada tanggungan sebarang pihak; atau
  - (ii) sebarang tanggungan luarjangka berhubung dengan Syarikat atau Kumpulan yang timbul sejak akhir tahun kewangan lalu.
- (f) Pada pendapat para Pengarah:-
- (i) tiada tanggungan luarjangka atau tanggungan lain yang berkuatkuasa atau mungkin berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan kemampuan Syarikat atau Kumpulan untuk memenuhi tanggungjawabnya apabila tiba masanya kelak; dan
  - (ii) tiada perkara, urusanniaga atau peristiwa penting dan luarbiasa telah berlaku sepanjang tempoh antara akhir tahun kewangan dengan tarikh laporan ini yang mungkin akan menjejaskan dengan ketara hasil kendalian Syarikat atau Kumpulan bagi tahun semasa laporan ini dibuat.

## Laporan Pengarah (Samb.)

### **JAWATANKUASA AUDIT**

Pada tarikh laporan ini, Jawatankuasa Audit Syarikat terdiri daripada para pengarah berikut:-

Dato' Dr. Yahya bin Ismail

Y.A.M. Tengku Syarif Bendahara Syed Badarudin

Jamalullail Ibni Tuanku Syed Putra Jamalullail

En. Tan Yam Pin

Dr. Radzuan bin A. Rahman

Tiga mesyuarat telah dilangsungkan sepanjang tempoh dua belas bulan sehingga ke tarikh laporan ini dan Jawatankuasa ini telah mengkaji berbagai isu berkaitan kawalan dalaman dan perakaunan kewangan yang diperolehi daripada laporan pengurusan dan juruaudit. Akaun dan pengumuman keputusan setengah tahun yang berakhir pada 31 Mac 1999 dan akaun Syarikat dan Kumpulan berserta dengan laporan audit mengenainya bagi tahun penuh yang berakhir pada 30 September 1999 juga telah disemak sebelum diserahkan kepada lembaga pengarah untuk kelulusan.

Jawatankuasa Audit mencadangkan para pemegang saham melantik semula Ernst & Young sebagai juruaudit bagi tahun kewangan akan datang.

### **JURUAUDIT**

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

**Dato' Dr. Yahya bin Ismail**

Pengarah

**Mah Peng Kong**

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

23 November 1999

## Penyata oleh Para Pengarah

Menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat 1965

Kami, Dato' Dr. Yahya bin Ismail dan Mah Peng Kong, dua orang pengarah Fraser & Neave Holdings Bhd, dengan ini memaklumkan bahawa pada pendapat para Pengarah, lembaran imbangan dan akaun untung rugi berserta nota-nota yang dibentangkan di muka surat 62 hingga 78 telah disusun menurut piawaian perakaunan yang diluluskan untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Syarikat dan Kumpulan pada 30 September 1999 dan hasil perniagaan Syarikat dan Kumpulan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

**Dato' Dr. Yahya bin Ismail**

Pengarah

**Mah Peng Kong**

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

23 November 1999

## Akuan Berkanun

Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat 1965

Saya, Tony Lee Cheow Fui, sebagai pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Fraser & Neave Holdings Bhd, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa lembaran imbangan dan akaun untung rugi berserta nota-notanya, yang dibentangkan di muka surat 62 hingga 78 pada pendapat saya adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sepenuh kepercayaan akan kebenarannya dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya )  
oleh penama di atas Tony Lee Cheow Fui )  
di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan )  
pada 23 November 1999 )

**Tony Lee Cheow Fui**

Di hadapan saya,  
Pesuruhjaya Sumpah

**Neoh Swee Kee (No: W037)**

Kuala Lumpur, Malaysia



# Laporan Juruaudit

## Kepada Ahli-ahli Fraser & Neave Holdings Bhd

Kami telah mengaudit akaun-akaun yang dibentangkan di muka surat 62 hingga 78. Akaun-akaun ini adalah tanggungjawab para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyuarakan pendapat kami mengenai akaun-akaun ini berdasarkan pengauditan yang kami jalankan.

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan keyakinan yang munasabah bahawa akaun-akaun tersebut adalah bebas daripada sebarang salah kenyataan yang ketara. Sesebuah audit meliputi pemeriksaan berasaskan ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pembentangan di dalam akaun. Sesebuah audit juga meliputi penilaian prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para Pengarah serta penilaian keseluruhan pembentangan akaun. Kami yakin bahawa audit kami memberi asas yang wajar bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami:-

- (a) akaun-akaun ini disediakan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Syarikat 1965 dan piawaian perakaunan yang diluluskan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang:
  - (i) kedudukan Syarikat dan Kumpulan pada 30 September 1999 dan keputusan Syarikat dan Kumpulan dan aliran tunai Kumpulan bagi tahun yang berakhir; dan
  - (ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat 1965 untuk dimasukkan ke dalam akaun dan akaun yang disatukan.
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar-daftar yang perlu disimpan oleh Syarikat dan syarikat subsidiari yang kami bertindak sebagai juruaudit, telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Kami berpuashati bahawa akaun syarikat-syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan akaun Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai untuk tujuan penyatuan akaun dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan memuaskan yang diperlukan untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit tentang akaun syarikat-syarikat subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang kelayakan dan tidak termasuk sebarang ulasan yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta Syarikat 1965.

**ERNST & YOUNG:** AF 0039

Akauntan Awam

**THOMAS ARUNDEL ANDREW SCOTT** 1060/3/00 (J/PH)

Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia

23 November 1999

# Akaun Untung Rugi

bagi tahun berakhir 30 September 1999

	Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
		1999 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
Perolehan	2				
Minuman ringan		536,502	609,091	–	–
Barangan tenusu		467,935	468,639	–	–
Pembungkusan kaca		152,613	161,848	–	–
Lain-lain		192	736	–	–
		<b>1,157,242</b>	<b>1,240,314</b>	<b>–</b>	<b>–</b>
Keuntungan operasi sebelum faedah, cukai dan susutnilai		51,931	99,388	11,945	21,147
Faedah ke atas pinjaman		(24,464)	(25,616)	(2,246)	(3,871)
Susutnilai		(73,951)	(61,540)	(747)	(963)
Perkara terkecuali		(21,813)	(310)	–	–
(Kerugian)/keuntungan sebelum cukai	3	(68,297)	11,922	8,952	16,313
Cukai	5	(897)	(5,731)	(1,058)	(4,506)
(Kerugian)/keuntungan selepas cukai		(69,194)	6,191	7,894	11,807
Kepentingan minoriti		8,388	(1,058)	–	–
(Kerugian)/keuntungan boleh dibahagikan		(60,806)	5,133	7,894	11,807
Pindahan daripada rizab hasil	9	–	3,645	–	3,645
		(60,806)	8,778	7,894	15,452
Dividen	6	(3,755)	(8,778)	(3,755)	(8,778)
(Kerugian)/keuntungan tersimpan bagi tahun	9	(64,561)	–	4,139	6,674
(Kerugian)/pendapatan sesaham (sen)	7	(35.0)	3.0		

Nota-nota lampiran ini merupakan sebahagian daripada akaun-akaun ini

## L e m b a r a n I m b a n g a n

pada 30 September 1999

	Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
		1999 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
Modal Saham	8	173,824	173,824	173,824	173,824
Rizab	9	130,646	195,207	58,497	54,358
Dana pemegang saham		304,470	369,031	232,321	228,182
Kepentingan minoriti		54,639	55,272	—	—
		<b>359,109</b>	424,303	<b>232,321</b>	228,182
<b>Diwakili oleh:</b>					
Harta tetap	10	723,803	749,943	—	—
Syarikat-syarikat Subsidiari	11	—	—	462,460	483,053
Pelaburan Lain	12	8,788	8,788	8,788	8,788
Perbelanjaan Tertunda	13	1,614	6,583	1,125	1,871
Harta Semasa					
Stok	14	225,604	262,508	—	—
Siberhutang perdagangan	15	202,772	221,613	—	—
Siberhutang lain		26,536	35,740	5,242	3,813
Jumlah dihutang oleh Syarikat induk	16	—	—	568	568
Jumlah dihutang oleh Syarikat-syarikat berkaitan	16	9,122	21,139	—	—
Deposit tetap	17	35,356	53,916	8,938	23,536
Tunai dan baki bank		51,552	28,092	1,686	642
		<b>550,942</b>	623,008	<b>16,434</b>	28,559
Tolak: Tanggungan Semasa					
Sipiutang perdagangan		105,565	125,911	—	—
Sipiutang lain	18	91,250	70,622	1,995	923
Jumlah dihutang kepada Syarikat induk	16	64,736	64,736	—	—
Jumlah dihutang kepada Syarikat-syarikat berkaitan	16	4,386	21,319	53	1
Pinjaman	19	345,910	311,897	—	39,887
Peruntukan bagi cukai		7,801	13,546	683	3,278
Dividen dicadangkan		3,755	—	3,755	—
		<b>623,403</b>	608,031	<b>6,486</b>	44,089
(Tanggungan)/harta semasa bersih		<b>(72,461)</b>	14,977	<b>9,948</b>	(15,530)
Tolak: Tanggungan Tertunda					
Pinjaman	19	250,000	302,375	250,000	250,000
Peruntukan bagi ganjaran persaraan		33,587	31,467	—	—
Cukai tertunda	20	19,048	22,146	—	—
		<b>302,635</b>	355,988	<b>250,000</b>	250,000
		<b>359,109</b>	424,303	<b>232,321</b>	228,182

Nota-nota lampiran ini merupakan sebahagian daripada akaun-akaun ini.

# Penyata Aliran Tunai yang Disatukan

bagi tahun berakhir 30 September 1999

	KUMPULAN	
	1999 RM'000	1998 RM'000
<b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi</b>		
(Kerugian)/keuntungan operasi sebelum cukai	(68,297)	11,922
Pelarasan bagi:		
Susutnilai harta tetap	68,161	59,574
(Keuntungan)/kerugian daripada jualan harta tetap	2,626	(877)
Pelunasan perbelanjaan tertunda	5,790	1,966
Peruntukan ganjaran persaraan	4,049	4,474
Peruntukan bagi pelupusan harta tetap	4,568	-
Faedah bersih	22,726	21,288
Tunai operasi sebelum perubahan modal kerja	39,623	98,347
(Tambah) /kurangan stok	36,904	(18,339)
Kurangan siberhutang	28,045	21,228
(Tambah)/kurangan sipiutang	282	(31,944)
Tambah/(kurangan) syarikat-syarikat berkaitan	(4,916)	1,770
Penjajaran semula matawang	-	57
Tunai dijana daripada operasi	99,938	71,119
Faedah bersih dibayar	(22,726)	(21,288)
Cukai dibayar	(9,740)	(15,242)
Pembayaran ganjaran persaraan	(1,929)	(3,182)
Pembayaran perbelanjaan tertunda	(821)	(3,056)
Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi	64,722	28,351
<b>Aliran Tunai Dijana Daripada Aktiviti Pelaburan</b>		
Kutipan daripada jualan harta tetap	5,826	12,915
Pembelian harta tetap	(55,041)	(117,928)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(49,215)	(105,013)
<b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan</b>		
Kutipan daripada terbitan saham oleh:		
- syarikat induk kepada para pemegang saham	-	3,699
- syarikat subsidiari kepada para pemegang saham luar	9,000	-
Pinjaman jangka pendek	21,525	46,330
Pinjaman berjangka	-	39,844
Pembayaran dividen kepada para pemegang saham Syarikat	-	(18,740)
Pembayaran dividen kepada para pemegang saham luar	(1,245)	(1,757)
Bon ditebus	(39,887)	(103)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti pembiayaan	(10,607)	69,273
Tambah/(kurangan) bersih tunai	4,900	(7,389)
Tunai pada awal tahun	82,008	89,397
Tunai pada akhir tahun	86,908	82,008

Tunai meliputi deposit tetap, tunai dan baki bank.

Nota-nota lampiran ini merupakan sebahagian daripada akaun-akaun ini.

## Nota-nota kepada Akaun

30 September 1999

**1. DASAR PERAKAUNAN PENTING****(a) Konvensyen Perakaunan**

Akaun-akaun ini disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, diubahsuai melalui penilaian harta-harta tetap tertentu dan mematuhi piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

**(b) Asas Penyatuan**

Akaun-akaun yang disatukan meliputi akaun Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari yang disediakan sehingga 30 September 1999. Semua baki dan urusaniaga dihapuskan di peringkat Kumpulan. Muhibah atau rizab penyatuan mewakili perbezaan antara bayaran pembelian dan nilai saksama harta bersih syarikat-syarikat subsidiari yang diambilalih. Muhibah daripada penyatuan dinilai bersih berbanding rizab daripada penyatuan dan jumlah bersih dihantar ke hadapan.

Keputusan syarikat-syarikat subsidiari yang diambilalih atau dijual pada tahun ini dimasukkan atau dikecualikan dari tarikh pengambilalihan atau penjualan masing-masing, mengikut kesesuaian.

**(c) Harta Tetap dan Susutnilai**

Harta tetap dinyatakan pada kos atau nilai tolak susutnilai terkumpul. Kos sesuatu harta meliputi harga belianya dan sebarang kos langsung termasuk kos faedah yang dipermodalkan untuk membolehkan harta tersebut beroperasi. Perbelanjaan bagi penambahan, peningkatan dan pembaharuan dipermodalkan dan perbelanjaan bagi penyenggaraan dan pembaikan dicaj kepada akaun untung rugi. Apabila harta-harta dijual atau tidak digunakan, kos dan susutnilai terkumpul dipindah daripada akaun dan sebarang keuntungan atau kerugian daripada penjualannya dimasukkan ke dalam akaun untung rugi.

Dalam hal harta tetap dinilai semula, sebarang lebihan daripada penilaian semula dikreditkan kepada rizab penilaian semula harta. Kurangan dalam nilai bawa bersih yang terbit daripada penilaian semula harta tetap dicaj kepada akaun untung rugi hingga ia mengatasi segala lebihan yang dimiliki dalam rizab penilaian semula harta berhubung dengan penilaian semula harta lepas yang setara dengannya.

Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus bagi melupuskan kos atau nilai harta tetap berbanding jangka hayat bergunanya. Tiada susutnilai bagi tanah milik bebas dan modal kerja dalam pelaksanaan. Kadar susutnilai tahunan yang digunakan untuk menurunkan nilai harta tetap berbanding jangka hayat berguna adalah seperti berikut:-

Tanah pegangan pajakan	- tempoh pajakan (antara 12 hingga 99 tahun)
Bangunan	- 2% hingga 5%
Loji dan jentera	- 8% hingga 14%
Kenderaan bermotor	- 10% hingga 20%
Mesin postmix dan jualan	- 10%
Perabot, kelengkapan dan peralatan komputer	- 10% hingga 20%

**(d) Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari**

Pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos. Peruntukan bagi penurunan nilai disediakan apabila para Pengarah berpendapat berlaku penurunan nilai yang berkekalan.

# Nota-nota kepada Akaun (Samb.)

30 September 1999

## 1. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

### (e) Stok

Stok dinilai pada yang mana lebih rendah antara kos dan nilai boleh laksana bersih. Kos ditentu berasaskan kepada purata wajar atau piawaian yang bersesuaian. Kos barangan siap dan kerja dalam pelaksanaan meliputi bahan mentah, tenaga buruh dan bahagian overhead pengeluaran yang bersesuaian.

Acuan yang termasuk, di dalam barangan jualan disusutnilaikan selepas tempoh tiga tahun dari tarikh ia memulakan pengeluaran.

Stok kejuruteraan dinilai berasaskan kos purata wajar tolak elaun yang bersesuaian bagi barangan lusuh.

Stok bekas meliputi bekas yang dimiliki dan yang dijangka berada di pasaran.

### (f) Peruntukan bagi Ganjaran Persaraan Kakitangan

Peruntukan bagi ganjaran persaraan dan perkhidmatan dibuat berasaskan kepada syarat-syarat perjanjian yang dipersetujui oleh kumpulan syarikat dengan kakitangan daripada pelbagai kategori.

Peruntukan mewakili nilai semasa jumlah yang mungkin dibayar berhubung dengan perkhidmatan yang telah diberikan. Suatu pengiraan aktuari bebas bagi peruntukan ini dilaksanakan setiap tiga tahun. Pengiraan dalaman peruntukan ini dilaksanakan setiap tahun mengikut asas yang sama seperti digunakan bagi pengiraan aktuari. Berdasarkan kepada penilaian aktuari terkini yang dijalankan antara 30 September 1997 hingga 30 September 1998, peruntukan bagi ganjaran persaraan dan perkhidmatan mencukupi untuk memenuhi nilai aktuari ganjaran perlu dibayar yang ditetapkan.

### (g) Peruntukan bagi Penutupan Relau

Peruntukan bagi perbelanjaan penutupan relau adalah berasaskan kepada perbelanjaan anggaran bagi kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan utama yang akan ditanggung bagi tempoh selepas penutupan relau-relau.

### (h) Matawang Asing

Urusniaga matawang asing dicatat dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang hampir dengan kadar yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Semua harta dan tanggungan kewangan matawang asing ditukarkan pada kadar yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan. Perbezaan pertukaran diambil kira di dalam akaun untung rugi.

Dari segi penyatuan syarikat-syarikat subsidiari, harta dan tanggungan syarikat-syarikat subsidiari asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang hampir dengan kadar yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan. Perkara berhubung keuntungan dan kerugian ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar purata pertukaran yang berkuatkuasa sepanjang tahun. Perbezaan pertukaran dibawa ke rizab hasil.

### (i) Cukai Tertunda

Cukai tertunda diperuntuk ke atas semua perbezaan masa penting yang timbul daripada pengendalian beberapa perkara tertentu bagi tujuan percukaian dan perakaunan menggunakan kaedah tanggungan. Walau bagaimanapun, peruntukan tidak dibuat bagi cukai tertunda sekiranya terdapat bukti munasabah yang cukai tertunda berkenaan akan berterusan di masa depan dan tiada tanda menunjukkan yang ianya akan berbalik kemudiannya.

Faedah cukai tertunda hanya diambilkira apabila wujud jangkaan berpatutan bahawa ia boleh diperolehi dalam tempoh yang singkat.

## Nota-nota kepada Akaun (Samb.)

30 September 1999

**1. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)****(j) Perbelanjaan Tertunda**

Perbelanjaan tertunda dinyatakan pada kos tolak pelunasan dan meliputi:-

- (i) Perbelanjaan sebelum operasi yang dilunaskan sepanjang tempoh tiga tahun bermula dari tarikh pengeluaran secara komersial; dan
- (ii) Perbelanjaan terbitan bon yang dipermodalkan dan dilupuskan dalam akaun untung rugi dari tarikh terbitannya hingga ke tarikh matang.

**2. PEROLEHAN****Kumpulan**

Ini meliputi nilai diinvois jualan bersih minuman ringan, bekas kaca, keluaran tenusu dan pendapatan sewa.

**3. (KERUGIAN)/KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI**

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	1999 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
Ia telah diperolehi selepas mengenakan:-				
Kos jualan	889,285	855,273	-	-
Susutnilai harta tetap	68,161	59,574	-	-
Peruntukan hutang ragu	9,787	15,671	-	-
Peruntukan ganjaran persaraan	4,049	4,474	-	-
Pelunasan perbelanjaan tertunda	5,790	1,966	747	963
Sewa premis	3,331	3,503	-	-
Sewa peralatan	303	413	-	-
Royalti	14,721	14,592	-	-
Bayaran para Pengarah				
- Yuran	433	464	350	389
- Emolumen lain	490	1,123	-	-
Bayaran juruaudit	305	302	25	25
Perbelanjaan faedah				
- Pinjaman bank dan overdraf	22,218	21,745	-	-
- Bon	2,246	3,871	2,246	3,871
Peruntukan penutupan relau	1,320	1,329	-	-
Peruntukan stok usang	8,234	1,103	-	-
Bayaran khidmat pengurusan kepada syarikat-syarikat berkaitan	2,400	2,400	-	-
Kerugian ke atas penjualan harta tetap	2,626	1,919	-	-
Perkara terkecuali (Nota a di muka sebelah)	21,813	310	-	-

## Nota-nota kepada Akaun (Samb.)

30 September 1999

## 3. (KERUGIAN)/KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (Samb.)

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	1999 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
Dan mengkredit:-				
Pendapatan faedah				
– Deposit tetap	2,120	4,666	533	2,521
– Syarikat-syarikat subsidiari	–	–	6,053	11,246
– Lain-lain	166	141	–	–
Pendapatan dividen daripada syarikat-syarikat subsidiari	–	–	6,028	8,500

## Nota a

Perkara terkecuali meliputi-

– Kos pemberhentian kerja	11,281	–	–	–
– Pelupusan harta tetap usang	4,568	–	–	–
– Pembubaran lebihan kontrak hadapan matawang asing	5,964	–	–	–
– Kos pemindahan loji	–	1,352	–	–
– Keuntungan daripada penjualan hartanah	–	(1,042)	–	–
	21,813	310	–	–

## 4. ANALISIS SEGMENT

	1999 Perolehan RM'000	1999 **PBIT RM'000	*Dana Digunakan RM'000	1998 Perolehan RM'000	1998 **PBIT RM'000	*Dana Digunakan RM'000
Minuman ringan	536,502	(81,656)	358,810	609,091	(2,974)	379,364
Barangan tenusu	467,935	24,137	207,238	468,639	11,448	181,113
Pembungkusan						
kaca	152,613	13,950	152,709	161,848	20,761	145,475
Lain-lain	192	(2,002)	(100,645)	736	3,975	614
	1,157,242	(45,571)	618,112	1,240,314	33,210	706,566

Perniagaan operasi-operasi di atas diuruskan terutamanya di Malaysia.

\* Dana Digunakan tidak termasuk deposit tetap, tunai dan baki bank, pinjaman jangka pendek &amp; pinjaman berjangka

\*\* PBIT merujuk kepada keuntungan/(kerugian) sebelum faedah dan cukai



## Nota-nota kepada Akaun (Samb.)

30 September 1999

## 5. CUKAI

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	1999 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
Berasaskan kepada keputusan bagi tahun:				
Cukai semasa				
– Malaysia	420	3,093	1,058	4,506
– Asing	1,441	7,274	–	–
	1,861	10,367	1,058	4,506
Cukai tertunda	(3,098)	(6,146)	–	–
	(1,237)	4,221	1,058	4,506
Kurangan peruntukan pada tahun sebelumnya	2,134	1,510	–	–
	897	5,731	1,058	4,506

Tiada cukai diperuntukkan bagi syarikat-syarikat subsidiari Malaysia kerana cukai telah dikecualikan bagi tahun 1999 sebagai sebahagian daripada langkah-langkah ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan.

## 6. DIVIDEN

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	1999 RM'000	1998 RM'000
Dividen akhir tambahan bagi 1997 dibayar		
berhubung saham-saham layak yang timbul daripada pelaksanaan waran	–	17
Dividen Pertengahan Tiada (1998: 7% tolak cukai sebanyak 28%)	–	8,761
Dividen akhir dicadangkan sebanyak 3% tolak cukai		
sebanyak 28% (1998: Tiada)	3,755	–
	3,755	8,778

## 7. (KERUGIAN)/PENDAPATAN SESAHAM

(Kerugian)/pendapatan sesaham dikira dengan membahagikan kerugian yang disatukan selepas cukai dan kepentingan minoriti sebanyak RM60,805,929 (1998: keuntungan RM5,132,809) dengan bilangan purata wajar saham biasa dalam terbitan berharga RM1.00 sebanyak 173,824,221 (1998:173,397,796).

## Nota-nota kepada Akaun (Samb.)

30 September 1999

## 8. MODAL SAHAM

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	1999 RM'000	1998 RM'000
Dibenarkan: Saham biasa berharga RM1.00 sesaham		
Baki pada awal dan akhir tahun	<b>500,000</b>	500,000
Diterbit dan dibayar penuh: Saham biasa berharga RM1.00 sesaham		
Baki pada awal tahun 173,824,221 (1998: 172,943,621) saham	<b>173,824</b>	172,943
Diterbitkan pada tahun:		
Tiada (1998: 880,600) saham yang timbul daripada pelaksanaan Waran 1998	–	881
Baki pada akhir tahun 173,824,221 (1998: 173,824,221) saham	<b>173,824</b>	173,824

## 9. RIZAB

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	1999 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
<b>Tidak boleh diagihkan</b>				
Rizab modal				
Baki pada awal tahun	<b>2,319</b>	2,133	–	–
Pindahan daripada rizab hasil	<b>178</b>	186	–	–
Baki pada akhir tahun	<b>2,497</b>	2,319	–	–
Premium saham				
Baki pada awal tahun	<b>11,139</b>	8,321	<b>11,139</b>	8,321
Premium saham timbul daripada penukaran Waran	–	2,818	–	2,818
Baki pada akhir tahun	<b>11,139</b>	11,139	<b>11,139</b>	11,139
Rizab daripada penyatuan	<b>61,888</b>	61,888	–	–
<b>Boleh diagihkan</b>				
Rizab hasil				
Baki pada awal tahun	<b>119,861</b>	116,067	<b>43,219</b>	40,190
Pindahan ke akaun untung rugi (Kerugian)/keuntungan tersimpan bagi tahun	–	(3,645)	–	(3,645)
Pindahan ke rizab modal	<b>(178)</b>	–	<b>4,139</b>	6,674
Penjajaran semula matawang	–	7,625	–	–
Baki pada akhir tahun	<b>55,122</b>	119,861	<b>47,358</b>	43,219
Jumlah rizab	<b>130,646</b>	195,207	<b>58,497</b>	54,358

## Nota-nota kepada Akaun (Samb.)

30 September 1999

**9. RIZAB (Samb.)**

Pindahan antara rizab hasil dan rizab modal Kumpulan bagi tahun semasa dan lepas adalah berhubung dengan Artikel 30 Undang-Undang Pelaburan Luar Vietnam.

Syarikat mempunyai pendapatan dikecualikan cukai dan Seksyen 108 kredit cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 yang mencukupi untuk melaksanakan bayaran dividen daripada seluruh rizab hasilnya pada 30 September 1999 tanpa sebarang tanggungan cukai tambahan.

**10. HARTA TETAP - KUMPULAN**

	Tanah Hakmilik Bebas RM'000	Tanah Pegangan Pajakan RM'000	Bangunan RM'000	Loji & Jentera RM'000	Harta-harta Lain RM'000	Jumlah Harta RM'000
<b>Kos atau Penilaian</b>						
Pada awal tahun	129,049	56,830	161,089	482,885	237,741	1,067,594
Tambahan	1,418	–	1,331	18,591	33,701	55,041
Jualan	–	(2,364)	(136)	(10,772)	(12,784)	(26,056)
Pengkelasan semula	3,602	–	4,408	(8,904)	894	–
Pada akhir tahun	134,069	54,466	166,692	481,800	259,552	1,096,579
<b>Susutnilai Berkumpul</b>						
Pada awal tahun	–	4,497	13,127	188,466	111,561	317,651
Caj bagi tahun	–	1,371	3,858	41,628	21,304	68,161
Jualan	–	–	(10)	(7,757)	(9,837)	(17,604)
Pengkelasan semula	–	–	–	(34)	34	–
Peruntukan bagi pelupusan	–	–	–	1,006	3,562	4,568
Pada akhir tahun	–	5,868	16,975	223,309	126,624	372,776
Caj bagi 30/9/98	–	1,381	3,770	36,954	17,469	59,574
<b>Nilai Buku Bersih</b>						
<b>Pada 30/9/99</b>	<b>134,069</b>	<b>48,598</b>	<b>149,717</b>	<b>258,491</b>	<b>132,928</b>	<b>723,803</b>
Pada 30/9/98	129,049	52,333	147,962	294,419	126,180	749,943

## Nota-nota kepada Akaun (Samb.)

30 September 1999

**10. HARTA TETAP – KUMPULAN (Samb.)**

Tanah hakmilik bebas dan bangunan Kumpulan dinyatakan pada nilai para Pengarah dan berasaskan pada pendapat jurunilai profesional berdasarkan nilai pasaran terbuka hartanah. Menurut peruntukan perpindahan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia No. 16 (Semakan Semula), Hartanah, Loji dan Peralatan, penilaian harta-harta ini tidak dikemaskini dan terus dinyatakan pada nilai semasa tolak susutnilainya.

Perbelanjaan faedah dipermodalkan pada tahun ini berjumlah Tiada (1998: RM12,227,301).

Harta-harta lain meliputi platform, postmix dan mesin jualan, kenderaan bermotor, perabot, kelengkapan dan peralatan komputer.

Semua harta dinyatakan pada kos kecuali tanah hakmilik bebas dan bangunan seperti yang dinyatakan di bawah:-

	Kos RM'000	Penilaian 1983 RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kumpulan – 30/9/99</b>			
Tanah hakmilik bebas	131,521	2,548	134,069
Bangunan	165,342	1,350	166,692
<b>Kumpulan – 30/9/98</b>			
Tanah hakmilik bebas	126,501	2,548	129,049
Bangunan	159,739	1,350	161,089

**11. SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI**

	SYARIKAT	
	1999 RM'000	1998 RM'000
Saham tidak tersiar harga pada kos	431,363	350,363
Jumlah yang dihutang oleh syarikat-syarikat subsidiari	74,829	171,734
Jumlah yang dihutang kepada syarikat subsidiari	(43,732)	(39,044)
	<b>462,460</b>	<b>483,053</b>

Jumlah yang dihutang oleh/(kepada) syarikat-syarikat subsidiari adalah tidak bercagar, tidak mempunyai tempoh pembayaran semula yang tetap dan tidak dikenakan faedah kecuali untuk jumlah RM20,017,245 (1998: RM129,722,034) yang dihutang oleh sebuah syarikat subsidiari yang dikenakan kadar faedah antara 3.3% hingga 7.1% (1998: 8.6% hingga 11.5%) setahun.

Butir-butir mengenai syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 24 kepada akaun.

**12. PELABURAN LAIN**

Ini mewakili pelaburan dalam saham tidak tersiar harga di Malaysia.

## Nota-nota kepada Akaun (Samb.)

30 September 1999

**13. PERBELANJAAN TERTUNDA**

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	1999 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
Kos	12,408	11,587	4,919	4,919
Tolak: Pelunasan	(10,794)	(5,004)	(3,794)	(3,048)
	<b>1,614</b>	<b>6,583</b>	<b>1,125</b>	<b>1,871</b>

**14. STOK**

	KUMPULAN	
	1999 RM'000	1998 RM'000
Bekas	46,781	48,243
Bahan mentah	64,395	111,445
Stok kilang	86,341	77,404
Bahan pembungkusan	19,110	11,335
Stok kejuruteraan dan lain-lain	46,789	47,288
	<b>263,416</b>	<b>295,715</b>
Tolak: peruntukan bagi keusangan	(37,812)	(33,207)
	<b>225,604</b>	<b>262,508</b>

**15. SIBERHUTANG PERDAGANGAN**

	KUMPULAN	
	1999 RM'000	1998 RM'000
Siberhutang perdagangan	219,849	242,263
Tolak: peruntukan bagi hutang ragu	(17,077)	(20,650)
	<b>202,772</b>	<b>221,613</b>

**16. SYARIKAT INDUK DAN SYARIKAT BERKAITAN**

Syarikat induk ialah Fraser and Neave Limited ("F&N Ltd"), sebuah syarikat yang diperbadankan di Singapura, juga merupakan syarikat induk muktamad. Syarikat-syarikat berkaitan di dalam akaun ini merujuk kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan F&N Ltd. Jumlah yang dihutang dari/(kepada) syarikat-syarikat berkaitan adalah berbentuk perdagangan dan tidak dikenakan faedah.

## Nota-nota kepada Akaun (Samb.)

30 September 1999

**17. DEPOSIT TETAP**

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	1999 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
Deposit tetap dengan:				
– Bank-bank tempatan	29,336	48,810	8,938	23,536
– Bank-bank asing	6,020	5,106	–	–
	<b>35,356</b>	<b>53,916</b>	<b>8,938</b>	<b>23,536</b>

**18. SIPIUTANG LAIN**

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	1999 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
Faedah terakru	1,375	883	–	334
Deposit atas bekas	13,533	13,274	–	–
Perbelanjaan terakru	19,448	15,335	745	550
Deposit runcit	13,745	7,031	–	–
Duti eksais dan cukai jualan perlu dibayar	4,502	1,514	–	–
Kos kakitangan perlu dibayar	8,798	5,672	–	–
Lain-lain perlu dibayar	29,849	26,913	1,250	39
	<b>91,250</b>	<b>70,622</b>	<b>1,995</b>	<b>923</b>

**19. PINJAMAN**

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	1999 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
Perlu dibayar semula dalam tempoh satu tahun:-				
<b>Bercagar</b>				
(a) Overdraf bank	522	–	–	–
<b>Tidak bercagar</b>				
(b) Overdraf bank dan pinjaman	345,388	272,010	–	–
(c) Bon 5% 1993	–	39,887	–	39,887
	<b>345,910</b>	<b>311,897</b>	<b>–</b>	<b>39,887</b>
Perlu dibayar semula selepas setahun tetapi tidak lewat dari lima tahun:-				
<b>Tidak bercagar</b>				
(d) Bon 0.75% 1996	250,000	250,000	250,000	250,000
(b) Pinjaman bank	–	52,375	–	–
	<b>250,000</b>	<b>302,375</b>	<b>250,000</b>	<b>250,000</b>

## Nota - nota kepada Akaun (Samb.)

30 September 1999

**19. PINJAMAN (Samb.)**

- (a) Overdraf dicaj kepada deposit tetap sebuah syarikat subsidiari dan dikenakan faedah 11.6% setahun.
- (b) Termasuk dalam overdraf dan pinjaman bank Kumpulan adalah seperti berikut:-
- (i) Pinjaman berjangka sebanyak RM2.375 juta (USD625,000) sebuah syarikat subsidiari di Vietnam, yang dijamin oleh Syarikat dan disubordinatkan oleh semua pinjaman sedia ada dan masa depan yang akan diberikan oleh Syarikat kepada syarikat subsidiari ini. Pinjaman ini dikenakan faedah pada kadar purata 6.40% (1998: 7.20 %) setahun dan perlu dibayar semula dalam tempoh 4 tahun.
- (ii) Pinjaman berjangka sebanyak RM50 juta daripada sebuah institusi yang dikenakan faedah 10.2% (1998: 10.2%) setahun dan perlu dibayar semula dalam satu bayaran selepas dua tahun dari tarikh pengeluaran.

Baki pinjaman dikenakan faedah pada kadar dari 3.25% hingga 10.4% (1998: 7.0% hingga 14.0%) setahun.

- (c) Bon 5% 1993 telah diterbitkan pada 8 Disember 1993. Pada tahun ini, bon berkenaan telah ditebus apabila matang.
- (d) Bon 0.75% 1996 bernilai RM250,000,000 telah diterbitkan pada 21 Mei 1996. Bon ini yang boleh ditebus semula dan tertakluk di bawah sebuah Perjanjian Amanah bertarikh 26 Mac 1996. Ia juga disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Penebusan mandatori bon ini pada jumlah pokoknya adalah pada 20 Mei 2001. Sebelum tarikh tersebut, Syarikat boleh membeli bon ini di pasaran terbuka, mengikut pilihannya sama ada untuk menyimpan, menjual, membatalkan atau meniagakannya.

**20. CUKAI TERTUNDA**

	<b>KUMPULAN</b>	
	<b>1999</b>	<b>1998</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Cukai tertunda timbul akibat:		
Lebihan nilai buku bersih daripada nilai penurunan cukai:-		
– Harta tetap	<b>24,370</b>	25,198
– Stok bekas	<b>1,368</b>	1,368
Peruntukan, perbelanjaan dan pendapatan yang dikenakan cukai dalam tahun yang berbeza	<b>(5,391)</b>	(3,379)
Kesan cukai atas lebihan penilaian semula	<b>5,106</b>	5,106
Elaun modal tidak diserap	<b>(6,405)</b>	(6,147)
	<b>19,048</b>	22,146

## Nota-nota kepada Akaun (Samb.)

30 September 1999

**21. PENGLIBATAN MODAL**

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	1999 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
Jumlah dilulus dan dikontrakkan	79,460	87,215	79,000	79,000
Jumlah dilulus tetapi tidak dikontrakkan	29,922	22,043	–	–
	<b>109,382</b>	<b>109,258</b>	<b>79,000</b>	<b>79,000</b>

**22. URUSNIAGA PENTING ANTARA SYARIKAT-SYARIKAT BERKAITAN**

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	1999 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
Syarikat-syarikat berkaitan				
– Jualan	(48,811)	(58,740)	–	–
– Belian	19,667	2,118	–	–
– Bayaran khidmat pengurusan	2,400	2,400	–	–
– Royalti	8,769	12,806	–	–
Syarikat-syarikat subsidiari				
– Faedah	–	–	(6,053)	(11,246)
– Dividen	–	–	(6,028)	(8,500)

Semua urusan ini adalah berasaskan kepada syarat-syarat yang ditentukan secara komersial. Pada akhir tahun, baki perlu dibayar adalah dalam lingkungan syarat kredit perdagangan biasa.



## Nota-nota kepada Akaun (Samb.)

30 September 1999

**23. ANALISIS TANGGUNGAN DAN HUTANG PERLU DIBAYAR OLEH / (KEPADA) SYARIKAT DAN KUMPULAN**

	KUMPULAN			SYARIKAT		
	Lewat dari dua tahun tetapi tidak lewat		Lewat dari lima tahun RM'000	Lewat dari dua tahun tetapi tidak lewat		Lewat dari lima tahun RM'000
	Tidak lewat dari dua tahun RM'000	dari lima tahun RM'000		Tidak lewat dari dua tahun RM'000	dari lima tahun RM'000	
<b>Tanggungan perlu dibayar</b>						
<b>30/9/99</b>						
Sipiutang	196,815	—	—	1,995	—	—
Pinjaman	345,910	—	—	—	—	—
Bon	250,000	—	—	250,000	—	—
Cukai	21,744	—	5,105	683	—	—
Ganjaran persaraan	—	—	33,587	—	—	—
Syarikat-syarikat berkaitan	69,122	—	—	43,786	—	—
Dividen dicadangkan	3,755	—	—	3,755	—	—
	<b>887,346</b>	<b>—</b>	<b>38,692</b>	<b>300,219</b>	<b>—</b>	<b>—</b>
<b>Tanggungan perlu dibayar</b>						
<b>30/9/98</b>						
Sipiutang	196,533	—	—	923	—	—
Pinjaman	324,385	—	—	—	—	—
Bon	39,887	250,000	—	39,887	250,000	—
Cukai	30,586	—	5,106	3,278	—	—
Ganjaran persaraan	—	—	31,467	—	—	—
Syarikat-syarikat berkaitan	86,055	—	—	39,044	—	—
	<b>677,446</b>	<b>250,000</b>	<b>36,573</b>	<b>83,132</b>	<b>250,000</b>	<b>—</b>
<b>Hutang akan diterima</b>						
<b>30/9/99</b>						
Siberhutang	224,286	—	—	4,988	—	—
Syarikat-syarikat berkaitan	9,122	—	—	75,398	—	—
	<b>233,408</b>	<b>—</b>	<b>—</b>	<b>80,386</b>	<b>—</b>	<b>—</b>
<b>30/9/98</b>						
Siberhutang	255,331	—	—	3,810	—	—
Syarikat berkaitan	21,139	—	—	172,302	—	—
	<b>276,470</b>	<b>—</b>	<b>—</b>	<b>176,112</b>	<b>—</b>	<b>—</b>

## Nota-nota kepada Akaun (Samb.)

30 September 1999

**24. SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI DAN BERSEKUTU**

Butir-butir mengenai Syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu adalah seperti berikut:-

Nama Syarikat	Negara Diperbadankan	Aktiviti Utama	Kepentingan Ekuiti Dimiliki	
			1999 %	1998 %
Malaya Glass Products Sdn Bhd	Malaysia	Pengilangan dan penjualan bekas kaca	100	100
Malaya-Vietnam Glass Limited	Vietnam	Pengilangan dan penjualan bekas kaca	70	70
Fraser & Neave (Malaya) Sdn Bhd	Malaysia	Perkhidmatan pengurusan dan pegangan pelaburan hartanah	100	100
F&NCC Beverages Sdn Bhd	Malaysia	Pengilangan minuman ringan	90	90
F&N Coca-Cola (Malaysia) Sdn Bhd	Malaysia	Pengedaran minuman ringan	90	90
F&N Dairies (Malaysia) Sdn Bhd	Malaysia	Pengedaran keluaran tenusu	100	100
Premier Milk (Malaya) Sdn Berhad	Malaysia	Pengilangan keluaran tenusu	75	75
F&N Foods Sdn Bhd	Malaysia	Pengilangan keluaran tenusu	100	100
Four Eights Sdn Bhd	Malaysia	Tidak Aktif	100	100
Wimanis Sdn Bhd	Malaysia	Tidak Aktif	100	100
Harmonic Fairway Sdn Bhd	Malaysia	Tidak Aktif	25	25

**25. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN**

Angka-angka perbandingan tertentu telah dikelaskan semula supaya mematuhi pembentangan tahun semasa.

